

CNS1709

U GB 16-01 00183 BH363

bah

DR MAHATHIR CADANG SYARIKAT TEMPATAN PELBAGAIKAN AKTIVITI

Mahathir - Syarikat

BANDAR DARULAMAN, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat tempatan perlu mempelbagaikan aktiviti merkka untuk memastikan penyertaan yang lebih bermakna dalam arena perdagangan antarabangsa menjelang tahun 2000.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat tempatan harus memandangi jauh dalam merancang strategi korporat jangka panjang masing-masing kerana dalam abad ke-21 senario perdagangan antarabangsa akan bertukar wajah selaras dengan perkembangan serta pergolakan politik dunia semasa.

Justeru itu, untuk memastikan penyertaan yang lebih bermakna oleh syarikat tempatan dalam arena perdagangan antarabangsa menjelang tahun 2000, proses kepelbagaian seperti ini amat penting, katanya pada majlis perasmian kilang Takagi (Malaysia) Sendirian Berhad di sini hari ini.

Xilang Takagi mula beroperasi pada September 1990 dengan mengeluarkan barang-barang perhiasan dan kotak muzik seramik untuk dieksport ke Amerika Utara, Eropah dan Jepun. Ia mempunyai 275 orang pekerja terdiri daripada penduduk tempatan.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap syarikat tempatan tidak akan berpeluk tubuh sahaja dan membiarkan syarikat-syarikat asing menggunakan sumber tempatan dan mendapat keuntungan daripadanya. -- Lagi

♥16/01/14-41MST

U GB 16-01 00165 BH366

bah

Mahathir - Syarikat 2 Bandar Darulaman

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, satu perkembangan yang menggalakkan ialah industri barangan seramik kini mula bertapak di Malaysia secara besar-besaran, yang dipelopori oleh syarikat ternama Franklin Porcelain dari Amerika Syarikat dengan penubuhan kilang mereka di kawasan perindustrian Kulim pada 1980-an yang kini telah dituruti oleh syarikat Jepun.

Menurutnya, kos pengeluaran di negara Jepun yang melambung naik adalah faktor pendorong kepada perkembangan itu.

Beliau berkata, bagi syarikat seperti Takagi, yang sebahagian besar pasarnya bergantung kepada permintaan dari Disneyland, mereka tidak ada jalan lain melainkan memindahkan operasi mereka ke negara-negara membangun seperti Malaysia.

+Sungguhpun Malaysia kini tidak lagi boleh dianggap sebagai negara kos rendah, saya amat gembira terdapat banyak lagi syarikat seumpama ini bercadang mendirikan kilang mereka di Malaysia, + katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selain syarikat Takagi yang pelaburannya berjumlah \$12 juta, pelaburan modal dalam industri berkenaan daripada 1980 hingga November 1991 berjumlah \$166.4 juta. -- Lagi

♥16/01/15-07MST

U GB 16-01 00137 BH367

bah

Mahathir - Syarikat 3 Bandar Darulaman

Daripada jumlah tersebut, \$118.5 juta atau 71.2 peratus adalah --
sumbangan pelaburan asing, kebanyakannya daripada syarikat Jepun. --

Beliau berkata, sejumlah 15 buah projek lagi yang diluluskan di seluruh
negara sejak 1989 dijangka memberi peluang pekerjaan kepada hampir 4,000
orang rakyat Malaysia.

Selain itu, nilai eksport barangan patung-patung tembikar pula telah
meningkat dari \$50.6 juta pada 1990 kepada hampir \$70 juta pada 1991.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagimenentukan bahawa pencapaian ini
dipetingkatkan, industri seramik negara ini harus diberi tumpuan serta
bimbingan yang serius.

Ini adalah berdasarkan faktor-faktor bahawa negara ini mempunyai sumber
kaolin, iaitu bahan utama di dalam pembuatan barangan seramik, yang boleh
didapati di kawasan-kawasan Bidor-Tapah di Perak, Jemeluang di Johor dan di
Sarawak, katanya. -- Lagi

▼16/01/15-07MST

CNS1730

U GB 16-01 00101 BH368

bah

Mahathir - Syarikat 4 (Akhir) Bandar Darulaman

Oleh itu, kata Perdana Menteri, tindakan segera perlu diambil untuk
memastikan Pusat Teknologi Seramik yang dipelopori oleh kerajaan negeri
Perak menjadi kenyataan secepat mungkin.

Datuk Seri Dr Mahathir melahirkan keyakinan terhadap kemampuan rakyat
Malaysia dalam bidang industri seramik memandangkan ia hanya merupakan satu
cabang aktiviti yang telah lama disertai oleh syarikat-syarikat tempatan
iaitu barangan berasaskan tanah liat.

Beliau menyarankan supaya syarikat-syarikat tempatan yang telah lama
berkecimpung dalam bidang industri barangan tanah liat mengkaji dengan
mendalam peluang-peluang yang semakin terbuka dalam industri itu. -- Bernama

▼16/01/15-08MST